

## **Ulasan Buku; *Diari Seorang Kelana* Catatan Sebenar Survivor Landasan Kereta Api Maut**

Book Review: *Diari Seorang Kelana* Catatan Sebenar Survivor Landasan Kereta Api Maut

*Temoh*: Penerbit Amanjaya, 2022, 568 hlm. ISBN978-967-17735-9-8

Hafidz Yunus

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Correspondence: Hafidz Yunus (emel: hfdzyns23@gmail.com)

Published: 30 December 2023

**To cite this article (APA):** Yunus, H. (2024). Ulasan Buku; Diari Seorang Kelana Catatan Sebenar Survivor Landasan Kereta Api Maut. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(2), 24–28. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol1.2.3.2024>

Buku bertajuk *Diari Seorang Kelana* merupakan autobiografi Halimi Ibrahim (1920-1950). Beliau adalah *survivor* jalan kereta api maut semasa Perang Dunia Kedua. Halimi menyatakan bahawa ‘diari’ ini adalah susunan semula riwayat hidupnya yang mengambil tempoh sebulan untuk beliau selesaikan penulisannya. Tujuan utama autobiografi ini adalah untuk “...menjadi ingatan..dan menjadi satu tanda yang membuktikan kisah-kisah kehidupan” kepada keluarganya.<sup>1</sup> Catatan Halimi menggunakan tulisan jawi dan versi rumi yang digunakan dalam buku ini ditransliterasikan anaknya, Ahmad Jelani Halimi. Buku ini cuba untuk mengekalkan tulisan awal sepenuhnya. Ekoran itu, melalui bahagian prakata, pembaca dimaklumkan bahawa buku ini mengandungi beberapa kesalahan fakta sejarah namun ia dikekalkan. Ini kerana ia adalah kepercayaan Halimi sewaktu beliau menulis diari/autobiografi ini.<sup>2</sup> Selain itu, gaya bahasa tahun 1940-an dan 1950-an yang digunakan di dalam penulisan diari berkenaan dikekalkan walaupun proses selenggaraan dan literasi daripada tulisan jawi kepada rumi mengubah sedikit istilah dan tatabahasa yang digunakan di dalam buku ini.<sup>3</sup>

Buku ini berkisar tentang pengalaman hidup seorang pemuda Melayu (Halimi Ibrahim) yang tinggal di Perak. Di samping kisah hidupnya di zaman kanak-kanak sehingga remaja, buku ini menumpukan kepada rangkaian peristiwa yang berlaku setelah beliau “mengembala” selepas mengambil keputusan untuk bekerja di jalan kereta api maut<sup>4</sup> di Thailand dan keadaan selepas Perang Dunia Kedua berakhir. Ringkasnya buku ini menggambarkan kepada pembaca keadaan kehidupan di Perak pada awal abad ke-20 dengan tumpuan kepada kesengsaraan yang dilalui penduduk Tanah Melayu ekoran daripada penjajahan Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua (1941-1945).

Bab pertama dan kedua buku ini menyajikan tentang asal usul keluarga Halimi bin Ibrahim serta keadaan keluarganya yang hidup dalam kesempitan. Beliau berasal dari Sumatera Barat, Kubupaten Pasaman di Minangkabau dan dibawa masuk oleh ibu bapanya ke Tanah Melayu ketika masih kecil. Kedaifan hidup menghalangnya daripada meneruskan pelajaran walaupun beliau mempunyai keinginan untuk meneruskan pelajaran. Bab ketiga buku ini berkisar mengenai kehidupan Halimi yang mencari nafkah bagi menampung hidup selepas berhenti sekolah. Selain daripada kehidupan peribadi Halimi, bab pertama sehingga ketiga buku ini menggambarkan keadaan masyarakat Melayu di Perak. Maklumat di dalam diari Halimi membantu sejarawan yang ingin mengkaji ‘sejarah dari bawah’ sebagaimana yang sering

disarankan oleh sejarawan tempatan, seperti Badriyah Haji Salleh.<sup>5</sup> Ini kerana catatan, luahan serta cerita yang disampaikan oleh Halimi mewakili golongan rakyat biasa yang melalui tempoh berkenaan. Ia sebagaimana yang disarankan Ahmad Jelani di dalam prakata;<sup>6</sup>

“Walaupun dia [Halimi] seorang kecil dalam kalangan nama-nama besar zamannya dan peristiwa yang dicatatkannya itu persitiwa kecil yang diselindungi peristiwa-peristiwa besar, namun yang kecil itulah yang dapat memberi perincian kepada peristiwa-peristiwa besar itu”

Perkembangan sewaktu Perang Dunia Kedua dihuraikan dengan meluas di dalam buku ini. Ia menggambarkan dengan jelas peristiwa di awal penjajahan Jepun dan layanan keras Jepun terhadap masyarakat di Tanah Melayu selepas itu. Tindakan kasar Jepun dan kesengsaraan dalam tempoh berkenaan dihuraikan dalam bab ke empat. Manakala dalam bab berikutnya, tumpuan Halimi adalah berkenaan konflik dan persengketaan beliau dengan sekumpulan gerila Cina yang berdendam dan ingin membunuhnya. Jelasnya, buku ini memberikan maklumat berharga kepada pengkaji yang ingin memahami tentang sejarah sosial di Perak pada awal abad ke-20. Hubungan sosial dalam masyarakat juga boleh ditelah dalam bab ke enam melalui kisah cinta Halimi dengan Sun Li. Halimi menzahirkan kekecewaan beliau terhadap wanita berketurunan Cina yang yang mengkhianatinya dengan berkomplot dalam rancangan untuk membunuhnya. Perbincangan dalam bab kelima dan keenam ini memperlihatkan hubungan di antara kaum Cina dan Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Ia memperlihatkan bahawa bentuk hubungan sosial yang berlaku mempunyai pelbagai lapis dan bentuk yang perlu diperhalusi bagi memahami sepenuhnya kedinamikan ciri sosial dan perkembangan yang berlaku ketika itu.

Cabaran dan kegetiran hidup Halimi dihuraikan dalam bab ke tujuh dan ke lapan. Keinginannya mendapatkan pekerjaan menyebabkan beliau terpedaya dan menyambut seruan untuk pergi bekerja di jalan kereta api maut. Bagaimanapun, keperitan menyaksikan kematian serta seksaan fizikal dan kelaparan sepanjang berada di sana mendorongnya untuk mlarikan diri. Catatan tentang peristiwa yang dilalui sepanjang tempoh tersebut menggambarkan kekentalan semangat beliau dan rakannya. Kegetiran terhenti seketika apabila mereka diterima tinggal di kawasan yang dikenali sebagai Keriang. Sepanjang berada di Keriang Halimi dan rakannya berkesempatan untuk mengikuti cara hidup masyarakat berkenaan dan mempelajari ilmu mempertahankan diri. Kemahiran mempertahankan diri dan kearifan tempatan yang mereka pelajari terbukti bermanfaat kepada mereka selepas itu. Episod kehidupan di Keriang berakhir apabila Halimi dan rakannya memutuskan untuk meninggalkan kawasan perkampungan tersebut dan memulakan perjalanan untuk kembali ke tanah air.

Pengembalaan pulang membawa Halimi ke Indonesia pada 1944. Ekoran itu, buku ini juga memberikan maklumat berhubung keadaan di Indonesia ketika itu. Maklumat ini dipersembahkan di dalam bab ke sembilan dan ke sepuluh. Halimi sampai ke Indonesia selepas kapal *Kesibwa Maru Yang Kedua* yang beliau “tumpangi”<sup>7</sup> dari Bangkok singgah di kota Jawa. Oleh itu, bab ke sembilan buku ini menyajikan tentang keadaan dan suasana di Jawa, Indonesia. Antaranya adalah berhubung keindahan dan kecantikan kota tersebut serta kemuliaan hati sebuah keluarga yang menerima sebagai menantu. Beliau meninggalkan Indonesia untuk kembali ke Tanah Melayu. Setelah melalui pelbagai cabaran beliau kembali ke Perak setelah mengetahui bahawa British memanggil semula kakitangan kerajaan untuk kembali berkhidmat. Halimi berkhidmat semula dalam *Forest Department Perak* pada 1945.<sup>8</sup>

Bab terakhir buku ini merupakan luahan rasa sayang dan nasihat kepada anak-anaknya. Halimi meninggal dunia pada 1950 ekoran serangan bersenjata komunis di Tanjung Tualang, Perak. Antara pesan beliau kepada anaknya adalah untuk menjaga masa dan gesaan supaya supaya anaknya berbakti kepada bangsa dan tanah air. Antara nasihat beliau tentang berbakti kepada tanah air dan bangsa adalah supaya “... perhatikanlah serta bantulah bangsa engkau dengan cara-cara dan jalan yang sederhana.”<sup>9</sup>

Catatan Halimi Ibrahim yang diketengahkan di dalam buku ini juga memperlihatkan secara menyeluruh keadaan dan kesan perang kepada masyarakat di Tanah Melayu. Ia membuktikan penjajahan Jepun di Tanah Melayu memberikan kesan yang besar kepada masyarakat.<sup>10</sup> Ia menyanggah hujahan yang cuba dipopularkan di media sosial kebelakangan ini bahawa penjajahan Jepun berfaedah dan memberi manfaat kepada orang Melayu.<sup>11</sup> Dakwaan bahawa Jepun datang untuk “menyelamatkan Tanah Melayu” merupakan salah faham dalam sejarah. Ia juga boleh dianggap sebagai maklumat sejarah yang palsu. Penyebaran sejarah palsu membahayakan kerana ia menjauhkan masyarakat daripada kebenaran.<sup>12</sup> Dalam hal berkaitan penjajahan Jepun, salah faham tentang objektif sebenar penjajahan tersebut akan menanamkan jiwa pesimis dalam kalangan masyarakat. Ini kerana mereka beranggapan bahawa penjajahan adalah sesuatu boleh diterima dan membawa kebaikan. Pemikiran begini perlu ditangkis kerana ia menghakis jati diri dan semangat cintakan negara. Catatan Halimi di dalam buku ini menyangkal dakwaan bahawa Jepun “penyelamat Tanah Melayu”. Bahkan, buku ini memberikan gambaran sebenar tentang implikasi penjajahan tersebut kepada seluruh masyarakat di Tanah Melayu tanpa mengira bangsa.

Secara keseluruhannya, buku ini menyajikan maklumat mengenai perkembangan sosial dan suasana kehidupan masyarakat di Perak sebelum, semasa dan selepas penjajahan Jepun. Ia juga menyentuh tentang keadaan di Indonesia dan Thailand. Justeru, *Diari Seorang Kelana* karya Halimi Ibrahim adalah bahan bacaan yang perlu dibaca dan dihayati oleh golongan muda. Keazaman dan kekentalan hati Halimi boleh dijadikan sebagai motivasi kepada golongan muda dalam usaha mereka untuk mengejar dan mencipta kejayaan dalam hidup. Buku ini juga sesuai dibaca oleh masyarakat awam, pelajar dan pengkaji sejarah kerana kekayaan maklumat sejarah yang terdapat di dalamnya. Secara keseluruhannya, buku ini memberi inspirasi untuk tidak berhenti berjuang kerana Halimi melalui diarinya membuktikan bahawa ujian dan rintangan yang datang bersilih ganti adalah medium terbaik untuk mendidik hati supaya sentiasa bersabar dan bijak mencari ruang untuk mencapai impian yang dingini.

## RUJUKAN

- Azharri Siddiq Kamunri. 2021. *sejarah negara perlu difahami bukan diubah*. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sejarah-negara-perlu-difahami-bukan-diubah-227524>
- Badriyah Salleh. 1997. Sejarah dari Bawah:Sejarah Rakyat dalam Masyarakat Melayu Tradisional. Dlm. Badriyah Salleh & Tan Liok Ee. *Alam Pensejarahan dari pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.hlm. 154-174
- Cheah Boon Kheng. 2003. *Red star over Malaya resistance & social conflict during and after the Japanese Occupation, 1941 - 1946*. Singapore: Singapore University Press.
- Halimi Ibrahim. 2022. *Diari Seorang Kelana Catatan Sebenar Survivor Landasan Kereta Api Maut*. Temoh: Penerbit Amanjaya.
- Huff, G. (2020). *World War II and Southeast Asia: Economy and Society Under Japanese Occupation*. Cambridge University Press.
- Kratoska, P. H. 2018. *The Japanese occupation of Malaya and Singapore, 1941-1945 A social and Economic History* (2<sup>nd</sup> Edition) Singapore: Singapore University Press
- Lennon, J. 2018. Kanchanaburi and the Thai-Burma railway: Disputed narratives in the interpretation of war. *International Journal of Tourism Cities*, 4(1), 140-155.

- Mat Zin Mat Kib. 2005. *Persatuan buruh kereta api maut Siam-Burma*. Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Mediaworks. 2023. Sejarah Jepun Merdekakan Tanah Melayu dari British, <https://www.youtube.com/watch?v=-h08Nf196Ns>
- Narayanan, S. (2018). The Forgotten and Twisted Conflict History of the Siam-Burma Death Railway. *International Journal of Culture and History (EJournal)*, 4(3), 59–63. <https://doi.org/10.18178/ijch.2018.4.3.122>
- Nazirah Lee. (2023). *Waspada sejarah palsu pesong faktta sejarah konflik palestin-israel*. BeritaHarian.<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/12/1188487/waspada-sejarah-palsu-pesong-fakta-konflik-palestin-israel>
- Nelson, H., & McCormack, G. (1993). *The Burma-Thailand Railway*. Allen & Unwin.
- Salleh Mohd. Akib. (2003). *Buruh paksa landasan kereta api maut Thailand-Burma, 1942-1945*. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Selvaratnam, V. (2021). Revisiting the Death Railway, The Survivors' Accounts (Book review). *Kajian Malaysia*, 39(2), 267–275. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.2.11>

<sup>1</sup> Halimi Ibrahim. 2022. *Diari Seorang Kelana Catatan Sebenar Survivor Landasan Kereta Api Maut*. Temoh: Amanjaya.hlm.x

<sup>2</sup> Ibid

<sup>3</sup> Ibid.hlm. V

<sup>4</sup> Pembinaan jalan kereta api maut dari Siam ke Burma bermula pada tahun 1942 dan berakhir sehingga Disember 1943. Pembuatan jalan kereta api maut telah meragut hampir 180 000 nyawa yang meliputi orang Melayu, Jawa, China, Burma, Tamil. Jepun bergantung kepada laluan laut untuk membekalkan tenteranya di kawasan tersebut dengan membawa persediaan dan anggota tentera ke Burma sekitar semenanjung Tanah Melayu serta melalui Selat Melaka dan Laut Andaman. Kekalahan yang menimpa tentera Jepun dalam pertempuran *Battle of Coral Sea* dan *Battle of Midway* 1942 menyebabkan kawasan laut tidak lagi selamat dan memaksa Jepun untuk mencari jalan lain dengan tujuan penghantaran bekalan makanan, minuman dan ketenteraan. Maklumat lanjut mengenai jalan kereta api maut, Lihat, Mat Zin Mat Kib. 2005. *Persatuan buruh kereta api maut Siam-Burma*. Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA; Landasan kereta api yang dibina ini menghubungkan Ban Pong di Thailand dengan Thanbyuzayat di Burma. Landasan ini telah melalui Laluan Tiga Pagoda di sempadan Thailand-Burma. Landasan sepanjang 111 km berada di Burma manakala baki landasan selebihnya yang berukuran 189 batu (304 km) pula berada di Thailand. Projek pembinaan landasan kereta api sepanjang 415 km yang sepatutnya memakan masa hampir lima tahun untuk beroperasi berjaya disiapkan hanya dalam tempoh masa setahun setengah akibat kezaliman dan kekejaman pihak tentera Jepun terhadap buruh pembinaan jalan kereta api yang memaksa mereka bekerja siang dan malam tanpa henti telah memendekkan tempoh pembinaan landasan itu, lihat Lennon, J. 2018. Kanchanaburi and the Thai-Burma railway: Disputed narratives in the interpretation of war. *International Journal of Tourism Cities*, 4(1), 140-155.

<sup>5</sup> Badriyah Salleh. 1997. Sejarah dari Bawah:Sejarah Rakyat dalam Masyarakat Melayu Tradisional. Dlm. Badriyah Salleh & Tan Liok Ee. *Alam Pensejarahan dari pelabgai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.hlm. 154-174

<sup>6</sup> Halimi Ibrahim. 2022. *Diari Seorang Kelana....hlm.vii-viii*

<sup>7</sup> “Tumpangi” di sini merujuk kepada “penyelinapan” kerana beliau menaiki kapal tanpa kebenaran. Beliau menyeludup masuk ke dalam tangki air kapal dagang dan hanyut ke Jakarta. Kapal berkenaan dimiliki oleh sebuah syarikat Jawa yang dikenali dengan nama Jawa Ungku, Halimi Ibrahim. 2022, *Diari Seorang Kelana..hlm. 436*

<sup>8</sup> Halimi Ibrahim. 2022. *Diari Seorang Kelana....hlm. 547*

<sup>9</sup> Ibid.hlm. 561

<sup>10</sup>Maklumat berhubung kesusahan pada zaman Jepun, Huff, G. (2020). *World War II and Southeast Asia: Economy and Society Under Japanese Occupation*. Cambridge University Press, Lihat jugam Cheah Boon Kheng. 2003. *Red star over Malaya resistance & social conflict during and after the Japanese Occupation, 1941 - 1946*. Singapore: Singapore University Press.; Kratoska, P. H. 2018. *The Japanese occupation of Malaya and Singapore, 1941-1945 A social and Economic History* (2<sup>nd</sup> Edition) Singapore: Singapore University Press.

<sup>11</sup> Mediaworks. 2023. Sejarah Jepun Merdekakan Tanah Melayu dari British, <https://www.youtube.com/watch?v=-h08Nf196Ns>

<sup>12</sup> Lihat perbincangan mengenai keperluan untuk memastikan sejarah difahami dan dilihat dari perspektif yang sebenar di <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sejarah-negara-perlu-difahami-bukan-diubah-227524?>; Kekeliruan dan ketidakpastian maklumat yang disampaikan dan dipamerkan dalam media sosial khususnya telah memberi tanggapan serta tafsiran mesej yang salah sehingga mampu memesangkan fakta sejarah yang betul. Pengetahuan ilmu sejarah yang cetek dan pembacaan yang tidak menyeluruh dan kurang mengakibatkan

pemikiran serta propaganda yang dilaksanakan oleh sesuatu pihak mudah untuk mencemari fikiran khususnya kepada generasi muda yang tidak mengkritis sumber sejarah dalam memeriksa dengan teliti kesahihan sesuatu berita sebelum membuat sebarang pernyataan dan kesimpulan, Pemesongan fakta sejarah menyebabkan kesilapan dalam pemahaman sesuatu isu, Lihat Nazirah Lee. 2023. Waspada Sejarah Palsu Pesong fakta konflik Palestin-Israel.

*Berita Harian online,*

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/12/1188487/waspada-sejarah-palsu-pesong-fakta-konflik-palestin-israel>